

06/08/2001

Pembangkok diminta beri idea tingkat prestasi pelajar Melayu

Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti pembangkang diminta memberi cadangan bagaimana untuk meningkatkan prestasi pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), bukan mempolitikkan isu meritokrasi yang dicadangkan kerajaan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata jika parti pembangkang ikhlas memperjuangkan bangsa Melayu, mereka perlu memberi idea bagi membantu memastikan pelajar Melayu mampu bersaing dengan bangsa lain.

"Jika mereka (pembangkang) ikhlas mahu membela anak bangsa, jangan cuba mempolitikkan isu meritokrasi. Sebaliknya, mereka mesti berusaha bersama-sama bagi mencari jalan meningkatkan prestasi dan pencapaian pelajar Melayu.

"Ini kerana, pencapaian pelajar Melayu memang merosot dan tidak mampu bersaing dengan pelajar bangsa lain, terutama bagi menghadapi era globalisasi yang memerlukan ilmu pengetahuan dalam serba-serbi," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Towerthon Antarabangsa Telekom 2001, di Menara Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Isu meritokrasi dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bimbang prestasi pelajar Melayu di IPTA semakin merosot berbanding pelajar bangsa lain.

Sebelum ini, Pemuda Umno dilaporkan menentang meritokrasi dan meminta kerajaan menimbang semula cadangan itu kerana sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA masih diperlukan.

Bagaimanapun, Hishammuddin menjelaskan Pemuda Umno tidak menentang cadangan pelaksanaan meritokrasi untuk kemasukan ke IPTA, tetapi mahu pelaksanaannya diteliti bagi memastikan pencapaian pelajar Melayu mencapai tahap dibanggakan.

"Apa yang dibangkitkan Dr Mahathir itu lahir daripada kebimbangan terhadap prestasi pelajar Melayu dan ini Pemuda Umno setuju.

"Tetapi yang lebih penting bagaimana cara kita melakukannya. Kemasukan menggunakan kuota hanyalah satu sudut dan kita mahu lihat bagaimana kerajaan mahu melaksanakan dasar meritokrasi dalam bidang lain," katanya.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno akan mengadakan taklimat khas kepada pemimpin Umno bahagian mengenai cadangan melaksanakan meritokrasi dalam pemilihan pelajar ke IPTA, Rabu ini.

Mengenai kekecohan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Pemuda MCA Jumaat lalu, Hishammuddin yang juga Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) berkata, kekecohan itu tidak akan menjejaskan semangat perjuangan parti komponen BN.

"Pemuda MCA perlu membuat penelitian dan belajar dari pengalaman ini supaya budaya seperti ini tidak diteruskan. Saya juga sedih, kesal dan harap menjadi pengajaran kepada Pemuda MCA dan pemuda-pemuda parti komponen BN," katanya.

Beliau berkata, Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat sudah memberi jaminan kejadian yang boleh menjejaskan imej BN itu tidak akan berulang.

(END)